

# Undi: Umno berkempen

Oleh JALIL HAJI SALEH

**KUALA LUMPUR, Jumaat —** UMNO akan melancarkan 'kempen raksaksa' mari mengundi secara besar-besaran di seluruh Semenanjung mulai 20 Ogos ini jam 10 pagi di Dewan Bahasa dan Pustaka di sini.

Seramai 342 perwakilan dari 114 Bahagian UMNO (tiga wakil setiap Bahagian) akan diundang ke pelancaran oleh Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden UMNO, Datuk Musa Hitam.

Ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO juga akan hadir.

Setiausaha Agung UMNO Malaysia, Datuk Haji Mustafa Jabar memberitahu hari ini.

"Kempen ini penting bagi menarik lebih ramai lagi bilangan pengundi terutamanya di kawasan luar bandar mendaftarkan diri sewaktu pendaftaran undi dibuka mulai Isnin ini."

Bellau diarah menghebahkan pelancaran kempen raksaksa itu selepas berbincang dengan Datuk Musa di pejabat bellau di sini petang semalam.

Menurut Datuk Haji Mustafa, pendaftaran pengundi-pengundi di luar bandar masa lalu sungguh tidak memuaskan.

"Datuk Musa telah mengarahkan supaya Ibu Pejabat UMNO sendiri bersama bahagian-bahagian dan cawangan-cawangannya melancarkan kempen besar-besaran di seluruh kawasan di Semenanjung atas anjuran UMNO sendiri."

Datuk Haji Mustafa tidak pula menyebut bilangan pengundi, khususnya masyarakat di luar bandar dan orang-orang Melayu yang dikatakan kurang memberikan sambutan dalam pendaftaran undi di masa lalu.

Bagaimanapun, dari sumber-sumber yang layak dipercayai menyebut, anggaran 1.8 juta pengundi yang layak mengundi telah tidak mendaftarkan diri.

## Dua juta

Bilangan pengundi yang layak di negara ini, iaitu mereka yang berusia 21 tahun ke atas berjumlah 7.4 juta orang. Sedangkan mereka yang mendaftar di masa lalu cuma 5.6 juta orang.

Bilangan mereka yang tidak mendaftar (hampir dua juta orang) itulah yang hendak dipromosikan oleh UMNO supaya jangan melepaskan peluang keemasan mengundi untuk hak masing-masing memilih pemimpin negara menurut demokrasi berperliman.

Bahagian-bahagian UMNO yang akan diberikan penatanganan mengenal kempen undi pada 20 Ogos nanti, akan diarah melancarkan kempen di kawasan masing-masing.

■ MUKA 24 RUANG 4

Bahan asal dari Akrib Negara Malaysia

No. Siri 19,329  
No. Penerbitan 4142/87